



Headline: Pengurus syarikat nyaris tertipu sindiket 'Macau Scam'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 3 December 2018

Language: Malay
Section: Citra Utusan
Page: 4

Pengurus syarikat nyaris tertipu sindiket 'Macau Scam'

MIRI: Seorang pengurus syarikat di sini nyaris tertipu dengan sindiket 'Macau Scam' setelah didakwa mempunyai transaksi keluar masuk sejumlah RM530,000 ke sebuah akaun kononnya milik mangsa.

Lelaki terbabit berusia 39 tahun mula menerima panggilan daripada seorang wanita pada 29 November lalu mengatakan terdapat satu akaun bank dibuka atas nama

mangsa di Sabah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, suspek meminta mangsa membuat aduan melalui talian disambungkan pada 'Sarjan Mukhrizin Izin Kamal.'

"Suspek beritahu mahu buat semakan dan bertanya pinjaman mangsa miliki namun mangsa menafikan terlibat dalam kes jenayah

didakwa suspek.

"Mangsa mengesyaki ia panggilan 'scammer'. Dalam hal ini mangsa tidak membuat sebarang pembayaran dan tidak mengalami sebarang kerugian," katanya dalam satu kenyataan media pada Sabtu.

Menurut Mustafa, kes terbabit merupakan salah satu daripada tiga kes dilaporkan di Miri dan Bintulu yang berjaya mengelak daripada ditipu

sindiket 'Macau Scam' pada Jumaat.

Dalam pada itu, seorang pekerja farmasi wanita berusia 42 tahun di sini juga mengalami nasib sama apabila berjaya mengelak daripada terperdaya dengan sindiket terbabit.

"Mangsa menerima panggilan pada 29 November daripada 'Iskandar Ong Abdullah' yang menyatakan mangsa mempunyai saman

GST lebih kurang sejumlah RM96,8000 di bawah nama sebuah syarikat di Johor serta pemanggil mempunyai maklumat peribadi dan nombor telefon bimbit mangsa.

"Mangsa menafikan terlibat dalam kes jenayah didakwa suspek. Dalam hal ini mangsa tidak membuat sebarang pembayaran dan tidak mengalami sebarang kerugian," ujarnya.